

No. Rujukan : UTeM.02.07/100-3/14 (23)



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 1 TAHUN 2018

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN AFILIASI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA DALAM SEMUA PENERBITAN JURNAL DAN PROSIDING

Pejabat Pendaftar
9 Mac 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.07/100-3/14 (23)

9 MAC 2018

PEKELILING AKADEMIK BIL. 1/2018

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN AFILIASI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA DALAM SEMUA PENERBITAN JURNAL DAN PROSIDING

1.0 TUJUAN

Pekeliling Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan penyelidik Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai Garis Panduan Penggunaan Afiliasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka dalam semua penerbitan jurnal dan prosiding yang dihasilkan oleh penyelidik UTeM bagi ketampakan (*visibility*) di persada antarabangsa.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Seiring dengan matlamat UTeM untuk muncul sebagai universiti teknikal yang terulung di dunia, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) komited dalam meningkatkan aktiviti penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi bagi memenuhi kriteria pengauditan penarafan MyRA, SETARA, QS Ranking & Rating, UI Green dan MyMOHES.
- 2.2 Bilangan penerbitan yang dihasilkan oleh penyelidik UTeM meningkat setiap tahun, namun didapati penggunaan afiliasi pelbagai format memberi impak langsung kepada pencarian pantas dan jumlah sebenar penerbitan.
- 2.3 Risiko ketidakseragaman afiliasi institusi akan mengakibatkan kesulitan mendapatkan jumlah penerbitan yang tepat. Ini adalah kerana proses pengauditan penerbitan hanya menggunakan afiliasi rasmi institusi setiap universiti.

- 2.4 Kepelbagaian format afiliasi institusi memberi impak langsung kepada sitasi, reputasi penyelidik, h-index pengarang dan h-index institusi serta menjejaskan potensi memperoleh geran penyelidikan dan rakan kerjasama dari institusi luar.

3.0 KEPUTUSAN

- 3.1 Mesyuarat Senat Bil. 2/2018 pada 28 Februari 2018 telah bersetuju meluluskan penggunaan afiliasi yang betul dan seragam dalam semua penerbitan jurnal dan prosiding yang dihasilkan seperti berikut:

3.1.1 Semua penerbitan hasil penyelidik UTeM **MESTI** menyatakan afiliasi rasmi Universiti iaitu **Universiti Teknikal Malaysia Melaka**, nama rasmi Fakulti dan Pusat Kecemerlangan:

- a) Bagi penerbitan dalam Bahasa Melayu, semua afiliasi hendaklah di dalam Bahasa Melayu.
- b) Bagi penerbitan dalam Bahasa Inggeris, afiliasi bagi nama **Universiti dan Fakulti hendaklah menggunakan Bahasa Melayu**; walau bagaimanapun, nama Pusat Kecemerlangan boleh menggunakan Bahasa Inggeris.

3.1.2 Penghargaan (*acknowledgement*) **MESTI** mempunyai nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka **DAN** nama pemberi dana beserta nombor geran penyelidikan jika berkenaan.

3.1.3 Penulis **MESTI** menggunakan nama penulis yang seragam untuk setiap penerbitan. Nama ini dipilih oleh penulis sendiri.

4.0 AFILIASI RASMI UNIVERSITI

Afiliasi rasmi Universiti, Fakulti dan Pusat Kecemerlangan adalah seperti di **Lampiran 1**.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan Penggunaan Afiliasi Universiti Teknikal Malaysia Melaka dalam semua penerbitan jurnal dan prosiding ini berkuat kuasa mulai 28 Februari 2018.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



MASDZARIF BIN MAHAT
Timbalan Pendaftar Kanan
Pejabat Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	
Fakulti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) 2. Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) 3. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) 4. Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) 5. Fakulti Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (FTMK) 6. Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Teknousahawanan (FPTT) 7. Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) 8. Pusat Bahasa Dan Pembangunan Insan (PBPI) 9. Institut Pengurusan Teknologi Dan Keusahawanan (IPTK)
CoE	<ol style="list-style-type: none"> 1. (CeTRI) Centre for Telecommunication Research & Innovation Pusat Penyelidikan & Inovasi Telekomunikasi 2. (CeRIA) Centre for Robotics and Industrial Automation Pusat Robotik dan Automasi Perindustrian 3. (CARE) Centre for Advanced Research on Energy Pusat Penyelidikan Tenaga Termaju 4. (AMC) Advanced Manufacturing Centre Pusat Pembuatan Termaju 5. (C-ACT) Center for Advanced Computing Technology Pusat Teknologi Pengkomputeran Termaju 6. (CTeD) Centre of Technopreneurship Development Pusat Pembangunan Teknousahawanan